

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM

DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

SAMAN PEMULA NO. MT - 21 - 248 - - 2010

Dalam perkara Aturan 7, Aturan 15 Kaedah 16 dan
Aturan 28 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

DAN

Dalam perkara seksyen 41 Akta Spesifik Relif 1950

DAN

Dalam perkara Artikel-Artikel 4, 5 dan 8
Perlembagaan Persekutuan

DAN

Dalam perkara Konvensyen Untuk Menghapuskan
Diskriminasi Dalam Semua Bentuk Terhadap
Wanita 1979/81 (*Convention on the Elimination of
All Forms of Discrimination against Women
1979/81*) dan Akta Pekerjaan 1955

DAN

Dalam perkara penarikan balik dan/atau pembatalan
lantikan Noorfadilla Binti Ahmad Saikin sebagai
Guru Sandaran Tidak Terlatih

DAN

Dalam perkara permohonan untuk, antara lainnya,
deklarasi dan gantirugi

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN

PLAINTIF

DAN

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ

4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN
PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PELAJARAN
MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA DEFENDAN-DEFENDAN

SAMAN PEMULA

Kepada:

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA

kedua-duanya di alamat terakhir diketahui:

Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat
Saujana Impian
KM 22, Jalan Cheras
43000 Kajang
Selangor

3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ di alamat terakhir diketahui:

Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E
Seksyen 4
40604 Shah Alam
Selangor

4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN
PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PELAJARAN
MALAYSIA

kedua-duanya di alamat:

Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

6. KERAJAAN MALAYSIA di alamat:

Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
(Bahagian Guaman)
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya

Benarkan Defendan-Defendan dalam tempoh 12 hari selepas penyampaian Saman ini kepadanya, termasuk hari penyampaian, menyebabkan kehadiran dimasukkan mengenai Saman ini, yang dikeluarkan atas permohonan Plaintiff NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN yang beralamat di No. 29, Jalan Seri Damai 1, Taman Seri Damai, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Melalui Saman ini, Plaintiff menuntut terhadap Defendan-Defendan untuk perintah-perintah berikut:

1. Deklarasi, berkenaan hak, status dan ciri-ciri undang-undang ("*legal right, status and character*") seorang perempuan yang hamil/mengandung iaitu Plaintiff (setakat 12.1.2009), bahawa Plaintiff layak dan berhak untuk dilantik sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih.
2. Deklarasi bahawa tindakan pada 12.1.2009 untuk menarik balik dan/atau membatalkan lantikan Plaintiff sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih adalah tidak berperlembagaan, tidak sah dan batal.

3. Deklarasi bahawa perenggan 4.2.2 Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. No. 1 Tahun 2007 bertarikh 27.2.2007 yang menyatakan seperti berikut:

- 4.2 *Kemudahan-Kemudahan yang tidak layak diperolehi oleh GST dan GSTT*

...

4.2.2 *Cuti Bersalin*

...


adalah tidak berperlembagaan, tidak sah dan batal.

4. Gantirugi am untuk dibayar oleh Defendan-Defendan kepada Plaintiff.
5. Faedah ke atas gantirugi am pada kadar 8% setahun dari tarikh di sini ke tarikh penyelesaian penuh atau pada kadar dan tempoh yang dianggap suaimanfaat oleh Mahkamah Mulia ini untuk dibayar oleh Defendan-Defendan kepada Plaintiff.
6. Suatu siasatan dan taksiran gantirugi am dibuat bagi menentukan gantirugi am untuk dibayar oleh Defendan-Defendan kepada Plaintiff.
7. Kos dibayar oleh Defendan-Defendan kepada Plaintiff.
8. Semua arahan-arahan dan/atau relif-relif konsekuensial atau relif-relif lain yang perlu dan difikirkan suaimanfaat oleh Mahkamah Mulia ini untuk diberikan.

Saman ini disokong oleh Affidavit Sokongan Plaintiff yang diikrarkan oleh NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN dan Affidavit Sokongan Ke-2 Plaintiff yang diikrarkan oleh MOHD IZWAN BIN ZAKARIA yang kedua-duanya diikrarkan pada 6.5.2010 dan difailkan di sini.

Jika Defendan-Defendan dan tiap-tiap satu daripada mereka tidak memasukkan kehadiran, penghakiman itu boleh diberikan atau perintah dibuat terhadap atau berhubungan dengan dirinya sebagaimana yang difikirkan adil dan suaimanfaat oleh Mahkamah.

Bertarikh pada 07 MAY 2010
haribulan 2010


Pendaftar
Mahkamah Tinggi Shah Alam

SRI PRACHA NANTHINI BALABEDHA
PENOLONG KANAN PENDAFTAR
MAHKAMAH TINGGI SHAH ALAM
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Memorandum yang hendak Diturunkan pada saman

Saman Pemula ini diambil oleh Tetuan Chooi & Company yang beralamat di Tingkat 23, Menara Dion, 27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur [Tel: 03-2055 3888, Faks: 03-2055 3880, Ruj: 20090815 EB], peguamcara bagi Plaintiff tersebut yang alamatnya ialah di No. 29, Jalan Seri Damai 1, Taman Seri Damai, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Nota – Saman ini tidak boleh disampaikan lebih daripada 6 bulan kalender selepas tarikh di atas melainkan jika diperbaharui melalui perintah Mahkamah.